

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk menampung kos perkhidmatan peringatan SOP PKP melalui SMS secara pukal yang dijalankan oleh pihak MKN.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited untuk menyampaikan maklumat serta mengingatkan rakyat untuk membendung penularan Covid-19 dan menggalakkan pematuhan kepada SOP. Sehubungan itu, pelbagai saluran telah digunakan merangkumi media sosial, TV, radio dan sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) bagi memastikan semua rakyat Malaysia mendapat maklumat secukupnya walau di mana mereka berada.

2. Hebahan Pesanan Khidmat Awam (PKA) melalui SMS kepada orang ramai bagi menyampaikan maklumat serta khidmat nasihat berkaitan pengurusan pandemik COVID-19 telah dilaksanakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan 13 penyedia perkhidmatan telekomunikasi (Celcom, Digi, Maxis, UMobile, ALTEL, Webe, Tune Talk, Pavocomms, YTL, XOX, Redtone, Red One dan Merchantrade).

3. Bagi perkhidmatan PKA melalui SMS ini, kesemua 13 penyedia perkhidmatan telekomunikasi tidak mengenakan sebarang caj untuk perkhidmatan SMS ini (kadar sifar) atas dasar tanggungjawab sosial korporat.

4. Kerajaan amat menghargai dan berterima kasih kepada semua kesemua 13 penyedia perkhidmatan telekomunikasi tersebut dan menghargai usaha murni syarikat-syarikat ini dalam membantu kerajaan menghadapi pandemik COVID-19. Kerajaan berharap kerjasama sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang terutamanya dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.